

**MH370: Hormat Gerak Kerja SAR Malaysia - Tun Dr Mahathir  
Bernama  
19 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad meminta pihak luar menghormati serta memberi ruang kepada Malaysia dalam menguruskan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang sejak 8 Mac lepas.

Bekas perdana menteri itu berkata pihak luar khususnya media asing sentiasa mencari kesalahan pihak berkuasa yang bertanggungjawab menguruskan operasi SAR yang kini memasuki hari ke-12.

"Media asing memang apa kita buat semua tak kena, kalau kita layan mereka baik sekalipun, mereka tidak berterima kasih.

"Biarlah apa mereka cakap, yang penting kita tahu apa kita buat dan dakwaan mereka tidak betul sama sekali," katanya kepada pemberita selepas memberi ucapan pada Minggu Kepimpinan Universiti Antarabangsa UNITAR 2014 di sini Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan kononnya kerajaan Malaysia lambat melaporkan sebarang perkembangan mengenai usaha operasi SAR serta menyembunyikan fakta misteri kehilangan pesawat berkenaan.

Pesawat B777-200ER yang membawa 239 penumpang dan anak kapal itu dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing sebelum hilang daripada radar pada 8 Mac kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada tengah malam sebelumnya.

Pesawat sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari yang sama.

Ditanya mengenai pelbagai spekulasi dibuat masyarakat dari dalam dan luar negara serta beberapa dakwaan media, kerajaan cuba menyembunyikan maklumat yang ada, Dr Mahathir berkata: "Jangan buat spekulasi".

"Kita tidak tahu apa perkara sebenar, juruterbang MH370 pun kita tidak kenal. Saya sendiri tidak boleh cakap sebarang melainkan ada bukti jelas dan kukuh," katanya.

Tambahnya, sebarang perbuatan spekulasi perlu dihentikan segera dan menasihati orang ramai agar menunggu berita rasmi dan sah sahaja kerana spekulasi hanya akan mengeruhkan keadaan selain menjejaskan operasi SAR.

"Jangan buat spekulasi, kasihanlah pada orang juga, keluarga yang menderita dan anda akan

memburukkan lagi keadaan yang mereka hadapi," katanya.

Setakat ini, 26 negara terlibat dalam operasi SAR pesawat MH370 itu dengan menggerakkan aset masing-masing menjejaki pesawat berkenaan di kawasan lautan luas meliputi 2.24 juta batu nautika persegi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023218>